

BENTUK KERTAS SOALAN

Kertas Soalan Hortikultur Hiasan dan Landskap 8883/1 mengandungi 2 bahagian:

- Bahagian A Calon dikehendaki menjawab semua 20 soalan struktur.
Bahagian B Calon dikehendaki memilih 3 dari 4 soalan esei yang diberikan.

Calon diberi masa selama dua jam setengah untuk menjawab kedua-dua bahagian dalam soalan ini.

PRESTASI KESELURUHAN

Prestasi keseluruhan calon matapelajaran ini adalah rendah. Bilangan calon yang mendapat markah maksimum adalah kecil dan jumlah keseluruhannya menunjukkan tiada perbezaan yang ketara dengan tahun sebelumnya. Sebahagian calon dapat menghuraikan prinsip, kepentingan, fungsi dan urutan langkah dengan baik. Terdapat juga calon yang keliru dan cuai dalam memahami kehendak soalan dan tidak memberikan jawapan mengikut skema pemarkahan dengan betul.

PRESTASI CALON MENGIKUT KUMPULAN CALON**Calon Dalam Kumpulan Tinggi**

Calon memahami kehendak dan arahan soalan. Calon dapat memberikan fakta yang tepat dan isi dikembangkan dengan jelas serta contoh yang sesuai dapat diberikan.

Calon Dalam Kumpulan Sederhana

Calon memahami kehendak soalan tetapi fakta penting tidak lengkap dikemukakan. Calon juga kurang jelas dalam mengembangkan fakta yang diberikan. Contoh yang diberikan juga kurang tepat.

Calon Dalam Kumpulan Rendah

Calon tidak memahami kehendak soalan. Fakta penting tidak dinyatakan dan penerangan terhadap jawapan yang diberikan tidak menepati kehendak soalan, ini menyukarkan untuk diberi markah.

PRESTASI TERPERINCI**Bahagian A****Soalan 1**

Kebanyakan calon dapat menjawab dengan betul. Sebilangan kecil sahaja calon tidak dapat menyatakan ciri pokok renek dengan tepat kerana keliru dengan jenis tumbuhan hiasan yang lain. Calon dikehendaki menyatakan dengan tepat ciri-ciri pokok renek.

Soalan 2

Jawapan yang diberikan oleh keseluruhan calon yang menjawab adalah memuaskan. Sebahagian besar calon gagal menyatakan tujuan ujian percambahan dan ujian tetrazolium dengan betul. Terdapat juga calon yang keliru antara tujuan ujian percambahan dan ujian tetrazolium. Calon dikehendaki menyatakan tujuan ujian percambahan dan ujian tetrazolium dilakukan dengan tepat.

Soalan 3

Kebanyakan calon dapat menjawab dengan betul cara mengatasi kedormanan biji benih. Bilangan calon yang tidak dapat menjawab soalan ini adalah sedikit sahaja, ini disebabkan calon tidak mengingati fakta yang telah dipelajari. Terdapat juga calon yang keliru dengan istilah pertanian. Calon dikehendaki menyatakan satu cara bagi mengatasi kedormanan biji benih dengan tepat.

Soalan 4

Ramai calon dapat memadamkan jawapan dengan tepat pada pernyataan yang diberikan. Terdapat calon keliru untuk memadamkan contoh tumbuhan hiasan dengan kaedah pembiakan aseks. Calon dikehendaki memadamkan contoh tumbuhan hiasan dengan menulis abjad yang betul pada kaedah pembiakan aseks bagi tumbuhan hiasan yang diberikan.

Soalan 5

Kebanyakan calon dapat memadamkan jawapan dengan betul urutan melakukan tut pada pokok hiasan. Hanya sebilangan kecil sahaja calon yang membuat kesilapan dalam memilih urutan yang betul. Calon dikehendaki menulis urutan yang betul dalam melakukan tut pada tumbuhan hiasan.

Soalan 6

Kebanyakan calon gagal menjawab dengan betul. Calon gagal memadamkan pernyataan berkaitan kaedah pembiakan mikro. Sebahagian besar calon keliru dengan kaedah pembiakan mikro yang dilakukan pada tumbuhan hiasan. Calon dikehendaki menulis dengan betul kaedah pembiakan mikro pada pernyataan yang diberikan.

Soalan 7

Pencapaian calon agak sederhana. Calon gagal menamakan medium iaitu Vacin dan Went 1 dan tisu ataupun eksplan. Calon perlu menamakan medium dan tisu dalam pembiakan kultur tisu dengan betul.

Soalan 8

Pencapaian calon agak sederhana. Calon gagal menyatakan perkara yang perlu dipertimbangkan semasa membina rumah tumbuhan dengan tepat. Calon dikehendaki menyatakan satu perkara yang perlu dipertimbangkan semasa membina rumah tumbuhan.

Soalan 9

Kebanyakan calon dapat menamakan jenis susun atur tapak semaian dengan betul. Sebahagian kecil sahaja calon yang tidak dapat menamakan struktur X dengan betul. Calon sepatutnya memberikan jawapan tempat penyediaan medium.

Soalan 10

Pencapaian calon agak sederhana. Calon tidak dapat memadankan pernyataan yang betul berkaitan bekas penanaman tumbuhan hiasan. Calon dikehendaki menandakan betul atau salah pada kotak yang disediakan berpandukan pada pernyataan yang diberikan.

Soalan 11

Pencapaian calon agak sederhana. Calon gagal memadankan jawapan yang betul berkaitan sifat tanah. Calon dikehendaki menandakan betul atau salah pada kotak yang disediakan bagi setiap pernyataan yang diberikan.

Soalan 12

Pencapaian calon agak sederhana. Ramai calon tidak dapat menamakan teknik NFT serta menyatakan fungsi pam dan penutup dengan betul. Calon perlu menamakan dan menyatakan teknik dan fungsi teknik penanaman secara hidroponik berpandukan grafik yang diberikan.

Soalan 13

Kebanyakan calon dapat menjawab dengan baik. Calon dapat memadankan pernyataan berkenaan sistem renjisan dengan betul. Calon dikehendaki menandakan betul atau salah pada setiap pernyataan yang diberikan.

Soalan 14

Pencapaian calon agak sederhana. Calon dapat memberikan tujuan melakukan setiap jenis pangkasan yang diberikan dengan tepat. Calon perlu menyatakan perbezaan tujuan jenis pangkasan rutin dan pangkasan memperbaharui dilakukan.

Soalan 15

Pencapaian calon agak sederhana. Sebahagian besar calon gagal memadankan pernyataan berkaitan amalan penyelenggaraan tumbuhan hiasan. Calon dikehendaki memadankan abjad dengan pernyataan yang betul dalam kotak yang disediakan.

Soalan 16

Kebanyakan calon dapat menjawab dengan betul. Sebahagian besar calon dapat menamakan genus bagi orkid monopodial dan simpodial dengan betul. Calon perlu melengkapkan jadual genus dan nama orkid dengan tepat.

Soalan 17

Pencapaian calon agak sederhana. Calon tidak dapat mengenalpasti jenis pelan yang berikan dalam gambarajah grafik. Calon perlu menamakan dan menyatakan sejenis pelan dalam merekabentuk landskap.

Soalan 18

Pencapaian calon agak sederhana. Calon tidak dapat memadankan urutan yang betul berkaitan langkah penubuhan perniagaan. Calon perlu menulis angka menurut turutan yang betul dalam kotak yang diberikan berdasarkan pada pernyataan yang diberikan.

Soalan 19

Pencapaian calon agak sederhana. Calon tidak dapat memadankan pernyataan berkaitan modal perniagaan yang diperolehi melalui pinjaman daripada institusi kewangan. Calon dikehendaki menandakan pernyataan benar dan palsu dalam kotak yang telah disediakan berdasarkan pernyataan yang diberikan.

Soalan 20

Kebanyakan calon tidak dapat menjawab dengan betul. Calon tidak dapat menghitung jumlah bayaran balik pinjaman dan jumlah bayaran bulanan dengan tepat. Calon dikehendaki menunjukkan kaedah pengiraan jumlah bayaran balik pinjaman dan jumlah bayaran bulanan dengan betul.

Bahagian B

Soalan 1

Pencapaian calon agak lemah. Calon tidak dapat menghuraikan faktor yang perlu dipertimbangkan dalam pemilihan tapak seماian secara terperinci. Calon perlu menghuraikan dengan lengkap faktor yang perlu dipertimbangkan dalam pemilihan tapak seماian.

Soalan 2 (a)

Pencapaian calon agak lemah. Calon tidak dapat menerangkan lima prinsip dalam mereka bentuk landskap bagi satu kawasan perumahan. Calon perlu menerangkan lima prinsip dalam merekabentuk landskap.

Soalan 2 (b)

Pencapaian calon agak lemah. Calon tidak dapat menerangkan dengan lengkap lima fungsi fizikal tumbuhan dalam reka bentuk sesuatu landskap. Calon perlu menerangkan lima prinsip dalam merekabentuk landskap.

Soalan 3 (a), (b) dan (c)

Jawapan calon sederhana baik. Calon tidak dapat menghuraikan urutan langkah menanam rumput turf menggunakan ketulan secara terperinci. Calon perlu menghuraikan setiap langkah penanaman yang diberikan dengan betul.

Soalan 4

Pencapaian calon adalah sederhana. Calon tidak dapat menerangkan sepenuhnya kelebihan dan kelemahan bagi pembiakan aseks dan penanaman secara hidroponik. Calon perlu menerangkan setiap kelebihan dan kelemahan pembiakan aseks dan penanaman secara hidroponik dengan jelas dan tepat.

SARANAN KEPADA CALON

1. Calon perlu memperbaiki teknik menjawab soalan terutama bahagian B atau soalan esei dalam bentuk yang sistematik, huraian dan keterangan.
2. Jawapan calon perlu fokus kepada kehendak soalan.
3. Calon perlu memahami kehendak soalan/tugasan dengan teliti sebelum menjawab.
4. Banyakkan latihan menjawab soalan esei untuk mengukuhkan ingatan terhadap fakta penting dalam setiap isi kandungan mata pelajaran.

SARANAN KEPADA GURU

1. Perlu memberi latihan dan kemahiran teknik menjawab soalan kepada calon.
2. Mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.
3. Menggunakan pelbagai bahan bantu mengajar untuk menarik perhatian calon terhadap pembelajaran.